

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : NASIONAL

BH NIK: 5 NASIONAL 4/2 (2025) (SELASA)

Masa menunggu klinik laksana CCMS hanya 30 minit

Kuala Lumpur: Tempoh waktu menunggu bagi mendapatkan perkhidmatan ditawarkan di klinik kerajaan yang terbabit dengan pelaksanaan Sistem Pengurusan Data Klinikal (CCMS) berjaya dikurangkan daripada tiga jam kepada 30 minit.

Tempoh masa itu dikira daripada pendaftaran pesakit di kaunter daftar masuk hingga mereka dapat berjumpa dengan doktor tetapi di klinik yang belum lagi melaksanakan CCMS, pesakit belum lagi dapat menikmati peningkatan kecekapan itu.

Menteri Kesihatan, Datuk Se-

ri Dr Dzulkefly Ahmad, berkata pencapaian pengurangan masa tempoh menunggu perkhidmatan itu dilakar menerusi tekad pelaksanaan agenda transformasi digital kesihatan.

Beliau menyifatkan, 2025 adalah tahun untuk bekerja dengan melaksanakan segala perancangan yang dirangka untuk merealisasikan agenda berkenaan. "Kita sudah mendigitalkan



Dr Dzulkefly Ahmad

perkhidmatan utama, mengurangkan waktu menunggu di klinik penjagaan primer daripada tiga jam kepada hanya 30 minit membabitkan 50 klinik yang berjaya didigitalkan pada 2024.

"Untuk 2025, 100 klinik lagi akan melaksanakan CCMS dengan peruntukan RM19 juta. Lebih banyak klinik akan dapat menikmati impak digitalisasi dalam RMKe-13," katanya.

Pada sidang Dewan Rakyat tahun lalu, Dr Dzulkefly berkata, KKM menyasar melaksanakan transformasi digital kesihatan di setiap fasiliti kesihatan seluruh negara dalam tempoh empat hingga lima tahun akan datang.

Ahli Parlimen Kuala Selangor itu, berkata pelaksanaan transformasi itu menerusi strategi 'satu individu satu rekod' akan dimulakan dengan penggunaan rekod perubatan elektronik (EMR) di setiap fasiliti kesihatan yang terbabit.

Jelasnya pendekatan yang diambil berteraskan strategi 're-

form, relook, recalibrate dan realize', merangkumi aktiviti konsolidasi unit digital di KKM.

Ia termasuk melihat kembali semua sistem digital di KKM selain menetapkan strategi pendigitalan baharu mengikut arus teknologi terkini serta melaksanakan dan memantau pelaksanaan yang sudah pun dirancang.

Transformasi kesihatan digital antara fasiliti kerajaan dan swasta juga menjadi tumpuan KKM dalam meningkatkan aksesibiliti, keselamatan dan kecekapan dalam penyampaian perkhidmatan kesihatan

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 7
RUANGAN : NASIONAL

SINAR HARIAN M/S 7 NASIONAL 4/2/2025 (SELASA)

 Harian

Waktu menunggu klinik kerajaan 30 minit

KKM berjaya kurangkan tempoh waktu menunggu dari tiga jam

DIANA AZIS
SHAH ALAM

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) berjaya mengurangkan tempoh waktu menunggu dari tiga jam kepada 30 minit bagi perkhidmatan kesihatan di klinik kerajaan.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata, pencapaian itu dilakar menerusi tekad pelaksanaan agenda transformasi digital kesihatan.

"Kita sudah mendigitalisasikan perkhidmatan utama, mengurangkan waktu menunggu di klinik penjagaan primer utama dari tiga jam kepada hanya 30 minit.

"Dari 107 klinik antara 2007 hingga 2022 kepada 159 klinik pada 2024.

"Awal tahun ini saha-



KKM memaklumkan berjaya mengurangkan tempoh menunggu di klinik kerajaan dari tiga jam ke 30 minit.



DR DZULKEFLY

ja, ia (jumlah klinik) meningkat sebanyak 48.6 peratus dan 2025 adalah tahun pelaksanaan. Masa untuk tunaikan apa yang dijanjikan," katanya menerusi hantaran di platform X pada Selasa.

Sebelum ini, Dr Dzulkefly ketika sidang Dewan Rakyat pada Mac tahun lalu memaklumkan,

KKM menyasarkan untuk melaksanakan transformasi digital di setiap fasiliti kesihatan seluruh negara dalam tempoh empat hingga lima tahun akan datang.

Ia termasuk melihat kembali semua sistem digital di KKM selain menetapkan strategi pendigitalan baharu mengikut arus teknologi terkini serta melaksana dan memantau pelaksanaan yang sudah pun dirancang.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : DALAM NEGERI

UTUSAN MALAYSIA MIS 8 D/NEGERI 4/2/2025 (SELASA)

Tempoh menunggu di klinik kerajaan dikurangkan dari tiga jam ke 30 minit

Oleh FITRI NIZAM
utusannews@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Tempoh menunggu bagi mendapatkan rawatan di klinik kerajaan berjaya dikurangkan dari tiga jam kepada hanya 30 minit.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad berkata, kejayaan itu susulan agenda transformasi digital yang dilaksanakan Kementerian Kesihatan di sektor kesihatan awam.

"Kita sudah pun mendigitalisasikan perkhidmatan utama, mengurangkan waktu menunggu di klinik penjagaan primer utama dari tiga jam kepada hanya 30 minit.

"Bermula dengan 107 klinik pada 2007 hingga 2022 kepada 159 klinik pada 2024 hingga Februari tahun ini. Peningkatan

sebanyak 48.6 peratus," katanya dalam ciapan di laman sosial X, semalam.

Dr. Dzulkefly juga bertekad untuk meneruskan agenda mendigitalisasikan sektor perkhidmatan kesihatan awam membabitkan klinik kerajaan pada tahun ini.

"Tahun 2025 adalah tahun pelaksanaan, masa untuk menunaikan janji," katanya.

Pada Disember 2023 ketika mula menjawat jawatan Menteri Kesihatan, Dr. Dzulkefly meletakkan komitmen melakukan beberapa transformasi melibatkan digital dalam sektor kesihatan.

Beliau berkata, perkara itu berkaitan sistem perubatan Elektronik (EMR) serta perbelanjaan sektor kesihatan terutama dalam menyelesaikan permasalahan asas di hospital dengan menanganinya menggunakan polisi

tepat.

Dalam sidang Dewan Rakyat pada Mac tahun lalu, beliau memaklumkan transformasi digital itu akan membabitkan semua fasiliti kesihatan di seluruh negara dalam tempoh empat hingga lima tahun akan datang.

Katanya, pelaksanaan transformasi menerusi strategi 'satu individu satu rekod' itu akan dimulakan dengan penggunaan rekod perubatan elektronik (EMR) di setiap fasiliti kesihatan yang terlibat.

Kerajaan juga akan melaksanakan kajian pemetaan keseluruhan struktur kesihatan digital negara serta menambah baik strategi sedia ada bagi memastikan pelaksanaan yang lebih pantas dalam menyediakan perkhidmatan kesihatan lebih komprehensif dan berkualiti kepada rakyat.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : DALAM NEGERI

UTUSAN MALAYSIA M/S 6 0/N 4/2/2025 (SELASA)

30 fasiliti kesihatan di Sarawak terjejas banjir

PETALING JAYA: Sebanyak 30 fasiliti kesihatan di Sarawak telah terjejas akibat banjir yang melanda, namun 22 fasiliti sudah berjaya beroperasi semula bagi memberikan kemudahan rawatan kepada mangsa yang terlibat.

Kementerian Kesihatan dalam kenyataan memaklumkan, terdapat 27 fasiliti kesihatan di Sabah yang terjejas banjir dan kesemua fasiliti tersebut sudah beroperasi semula.

Katanya, Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Sarawak dan Sabah sudah menggerakkan pasukan perubatan dan kesihatan masing-masing ke semua Pusat Pemindahan Sementara (PPS) yang terjejas.

"Di Sarawak, sebanyak 37 pasukan perubatan dan 30 pasukan kesihatan sudah dihantar, manakala di Sabah, 16 pasukan perubatan dan 27 pasukan kesihatan juga digerakkan untuk memberikan bantuan.

"Sehingga kini, seramai 9,379 mangsa sudah diperiksa dan diberikan rawatan di PPS," katanya. Sebelum ini, Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia) dan Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian

Alam sudah mengeluarkan amaran hujan berterusan tahap waspada (kuning) bagi Barat Sarawak yang berkuatkuasa bermula esok hingga 5 Februari ini.

Berdasarkan laporan, beberapa kes penyakit berjangkit sudah dikesan, termasuk 671 kes jangkitan salur pernafasan akut, 82 kes jangkitan kulit, 37 kes gastroenteritis akut, 17 kes konjunktivitis serta satu kes penyakit tangan, kaki dan mulut.

Namun, tiada kes cacar air, tifoid, leptospirosis, Covid-19 atau wabak lain yang dilaporkan di PPS.

Selain itu, pasukan Perkhidmatan Kesihatan Mental dan Sokongan Psikososial (MHPSS) untuk membantu mangsa banjir yang terjejas emosi turut digerakkan.

"Tiga pasukan MHPSS terdiri daripada Pakar Perubatan Keluarga, Pegawai Perubatan, Pegawai Psikologi, anggota paramedik serta petugas kesihatan daripada pelbagai kategori sudah melaksanakan aktiviti intervensi melibatkan teknik relaksasi, ekspresi seni serta psikopendidikan," katanya.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : DALAM NEGERI

UTUSAN MALAYSIA M/s 6 | NEGERI 4/2/2025 (SELASA)

Longgar syarat masuk jejas kualiti pendidikan kejururawatan

Oleh HAFIZ SAIDINA
utusannews@mediamulla.com.my

PETALING JAYA: Syarat kemasukan ke program Diploma Kejururawatan bagi lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang dilonggarkan kepada hanya tiga kredit dilihat akan menjejaskan kualiti pendidikan kejururawatan.

Jurucakap Persatuan Jururawat Lelaki Malaysia berkata, penurunan syarat kemasukan boleh menyebabkan penerimaan ramai pelajar yang kurang berkemampuan akademik sehingga berpotensi menjejaskan kualiti graduan.

Katanya lagi, kelonggaran ini juga akan memberi kesan kepada profesionalisme jururawat yang berperanan sebagai barisan hadapan dalam penjagaan kesihatan.

“Langkah melonggarkan syarat masuk ini hanya sebagai penyelesaian sementara na-

Hanya perlu tiga kredit berbanding lima kredit sebelum ini

Syarat pengambilan jururawat dilonggar

Oleh HAFIZ SAIDINA

utusannews@mediamulla.com.my

PETALING JAYA: Syarat kemasukan ke program Diploma Kejururawatan bagi lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dilonggarkan kepada hanya tiga kredit iaitu mata pelajaran Bahasa Melayu, Matematik dan Sains.

Sebelum ini, calon perlu mempunyai lima kredit iaitu Bahasa Melayu, Matematik atau Menengah Tambahan, terdiri salah satu mata pelajaran Sains (Biologi, Kimia, Fizik, Sains Komputer), Bahasa Inggeris dan menduduki kelayakan dalam mata-mata mata pelajaran lain untuk mengikuti program berkenaan.

Perkara ini diumumkan melalui portal Kementerian Kesihatan, Datuk Seri Dr. Shafiqah Abdul Kader dan Utusan Malaysia.

Rafa belian, surat selaran mengenai kelonggaran kemasukan ke program kejururawatan yang diumumkan adalah bahawa “Ya, memang dapat info dari kementerian, Datuk...”



mun kerajaan perlu merancang strategi jangka panjang.

“Ia bagi mengatasi kekurangan jururawat bagi meningkatkan pengiktirafan terhadap profesion ini serta menawarkan insentif bagi menarik lebih ramai pelajar yang berkelayakan.

“Pihak kami berharap agar standard pendidikan kejururawatan tidak dikompromi meskipun syarat kemasukan dilonggarkan. Ini penting untuk

memastikan jururawat yang dilatih mempunyai kemahiran, pengetahuan dan etika kerja yang tinggi,” katanya kepada Utusan Malaysia.

Semalam akhbar ini melaporkan, syarat kemasukan ke program Diploma Kejururawatan bagi lepasan SPM dilonggarkan kepada hanya tiga kredit iaitu mata pelajaran Bahasa Melayu, Matematik dan Sains berbanding syarat sebelum ini iaitu

lima kredit termasuk Bahasa Inggeris.

Kelonggaran tersebut kerana negara kini menghadapi isu kekurangan jururawat yang semakin meruncing dalam memenuhi keperluan penjagaan kesihatan yang sekiranya tidak dibendung akan memberi impak dan menjejaskan kepada kesejahteraan negara.

Perkara itu telah dibentangkan dalam mesyuarat Lembaga Jururawat Malaysia (LJM) pada 28 November 2024 dan dipersejajui untuk melonggarkan syarat kemasukan program Diploma Kejururawatan bagi pelajar lepasan SPM dari lima kepada tiga kredit.

Presiden Kesatuan Jururawat Malaya (MNU), Saaidah Athman pula berkata, kelonggaran syarat ini tidak wajar dilakukan serta tidak mampu untuk mengurangkan waktu kerja 45 jam seminggu selagi kekurangan jururawat berterusan.

Sebaliknya beliau berkata, fokus utama adalah perlu memperkukuhkan lagi profesion kejururawatan dengan menaik taraf skim kepada pemegang ijazah sekali gus meningkatkan standard dan pengiktirafan jururawat di negara ini.

“Sistem yang perlu diubah, bukannya syarat kelayakan. Sebagai contoh, ujian psikomotor secara dalam talian boleh dipermudahkan kerana kegagalan dalam ujian ini boleh menyebabkan nama calon digugurkan walaupun mereka sebenarnya layak.

“Kelonggaran syarat ini hanyalah penambahbaikan sementara. Ini kerana hasilnya masih belum pasti dari segi kualiti, sedangkan tugas seorang jururawat memerlukan pemikiran kritikal, pemahaman mendalam tentang proses penyakit serta pemerhatian yang teliti bagi menilai keberkesanan sesuatu rawatan, katanya.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 9
RUANGAN : NEGARA



KKM sentiasa berusaha memberikan khidmat terbaik kepada orang ramai yang berurusan di klinik kesihatan.

Dulu tunggu tiga jam, kini hanya 30 minit

- Masa menunggu di klinik kerajaan disingkatkan
- KKM komited beri khidmat terbaik kepada rakyat

Oleh RIDZAUDDIN ROSLAN

PUTRAJAYA – Kementerian Kesihatan (KKM), terus melaksanakan transformasi dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat apabila berjaya mengurangkan tempoh menunggu dari tiga jam kepada 30 minit di klinik kerajaan.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad berkata, pencapaian itu dicapai menerusi pelaksanaan agenda transformasi digital kesihatan.

“Kita sudah mendigitalisasi perkhidmatan utama yang

dapat mengurangkan waktu menunggu di klinik penjagaan primer utama dari tiga jam kepada hanya 30 minit.

“Daripada 107 klinik antara 2007 hingga 2022 kepada 159 klinik pada 2024.

“Awal tahun ini sahaja, ia meningkat sebanyak 48.6 peratus dan 2025 adalah tahun pelaksanaan.

“Ini adalah untuk kita tunai apa yang telah dijanjikan sebelum ini,” katanya menerusi hantaran di platform X semalam.

Pada sidang Dewan Rakyat tahun lalu, Dr. Dzulkefly berkata, KKM menyasarkan melaksanakan transformasi digital kesihatan di setiap fasiliti kesihatan di seluruh negara dalam tempoh empat hingga lima tahun akan datang.

Katanya, pelaksanaan transformasi menerusi strategi ‘satu individu satu rekod’ itu akan dimulakan dengan peng-

“

Kita sudah mendigitalisasi perkhidmatan utama yang mengurangkan waktu menunggu di klinik penjagaan primer utama dari tiga jam kepada hanya 30 minit.”

gunaan rekod perubatan elektronik (EMR) di setiap fasiliti kesihatan yang terlibat di seluruh negara.

Untuk itu, katanya, pendekatan yang diambil berteraskan strategi ‘reform, relook, recalibrate dan realize’, merangkumi aktiviti konsolidasi unit digital di KKM.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 9
RUANGAN : NEGARA

KOSMO M/S 9 NEUANA 4/2/2025 (SELASA)

57 fasiliti kesihatan terjejas banjir di Sabah, Sarawak

PUTRAJAYA – Sebanyak 57 fasiliti kesihatan dilaporkan terjejas susulan kejadian banjir yang berlaku di Sabah dan Sarawak pada ketika ini.

Kementerian Kesihatan (KKM) dalam satu kenyataan berkata, sebanyak 30 fasiliti kesihatan terjejas banjir di Sarawak dan daripada jumlah tersebut, sejumlah 22 fasiliti telah beroperasi semula.

“Bagi Sabah pula, secara keseluruhannya terdapat 27 fasiliti kesihatan yang terjejas banjir dan kesemuanya telah beroperasi semula.

“Selain itu, Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Sarawak dan Sabah telah menggerakkan pasukan perubatan dan pasukan kesihatan masing-masing.

“Ia melibatkan 37 pasukan perubatan dan 30 pasukan kesihatan dari JKN Sarawak.

“Ia turut melibatkan 16 pasukan perubatan dan 27 pasukan kesihatan dari JKN Sabah ke semua pusat pemindahan sementara (PPS) terlibat,” katanya semalam.

Katanya, pada masa sama, 9,379 mangsa telah diperiksa dan diberikan rawatan di PPS.

“Daripada jumlah itu, kes penyakit berjangkit yang dilaporkan adalah 671 kes jangkitan salur pernafasan akut, 82 kes jangkitan kulit, 37 kes gastroenteritis akut, 17 kes konjunktivitis serta satu kes penyakit tangan, kaki dan mulut.

“Tiada kes *chicken pox*, *tifoid*, *leptospirosis*, Covid-19 dan kejadian wabak dilaporkan di PPS,” katanya.

Selain itu, pasukan Perkhidmatan Kesihatan Mental dan Sokongan Psikososial (MHPSS) juga telah digerakkan.

“Sehingga kini, tiada mangsa banjir yang dikesan mempunyai masalah kesihatan mental yang memerlukan rujukan ke hospital.

“KKM sentiasa bersedia sedia dalam memberikan perkhidmatan kesihatan terbaik bagi semua mangsa banjir yang melanda kedua-dua negeri ini,” katanya.



FASILITI kesihatan di Sabah turut terjejas dengan banjir yang melanda negeri tersebut ketika ini.

AKHBAR : THE SUN DAILY
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NATIONAL

NATIONAL

THE SUN DAILY (MS:4) NATIONAL 21/2/2025 (SELASA)

Fungal infections spike linked to nail salon services

Establishments need to strictly follow hygiene protocol, train staff on proper sterilisation to prevent cross-contamination, says dermatologist

BY DEEPALAKSHMI MANICKAM
newsdesk@thesundaily.com

PETALING JAYA: Dermatologists are raising the alarm over the rising number of fungal and bacterial infection cases caused by unsanitary treatments at nail salons.

Sultan Idris Shah Hospital internal medicine physician and dermatologist Dr Ishvant Kaur Sidhu said many patients develop onychomycosis (fungal nail infection) and paronychia (bacterial infection) after regular manicures and pedicures.

"Fungal nail infections often go unnoticed because the discolouration starts subtly and is masked by nail polish. Since they don't initially cause pain or discomfort, people delay treatment until the infection spreads or worsens."

She highlighted that common mistakes such as wearing closed-toe shoes after pedicures or frequent exposure to damp environments can increase infection risk.

Ishvant said those with diabetes or weakened immune systems are particularly vulnerable as their bodies have a reduced ability to fight off infections.

"Diabetes can cause poor blood circulation and nerve damage in the hands and feet, making it harder to detect early signs of infection. A minor fungal or bacterial infection could progress more rapidly and lead to serious complications, such as foot ulcers or cellulitis," she added.

Similarly, people with conditions that weaken the immune system such as cancer, autoimmune diseases, or those on immunosuppressive medications are at a higher risk of persistent and severe infections that may be harder to treat.

Ishvant warned that gel and acrylic nails can trap moisture, fostering fungal growth, while excessive cuticle trimming creates entry points for infections.

She also cautioned against overusing nail hardeners, as harsh chemicals like formaldehyde can cause brittleness and nail separation.

"It's best to use them sparingly and choose formaldehyde-free options."

She said untreated fungal infections could lead to permanent nail damage, deformities or even nail loss if they affect the nail matrix.

"In some cases, the fungus can spread to the skin, causing athlete's foot, which may lead to bacterial complications like cellulitis."

To reduce risks, Ishvant urged nail salons to strictly follow hygiene protocols and to sterilise all tools between clients. Foot baths should have disposable liners, and staff should be trained on proper sterilisation to prevent cross-contamination.

Ishvant advised those getting manicures and pedicures to maintain good nail hygiene at home, stressing that keeping nails clean and dry can greatly help prevent infections.

Central Dermatology Specialist Clinic consultant dermatologist Dr Meera Kuppasamy said one patient developed a painful abscess after a manicure at an unhygienic salon, requiring drainage and antibiotics.

"Another woman developed human papillomavirus-related warts on her finger after a manicure, which highlights the importance of strict salon hygiene."

Meera warned that bacterial infections like cellulitis can spread beyond the nails, while severe onycholysis (separation of the nail from the nail bed) may lead to permanent nail deformity or loss.

She said bacterial infections can appear within 24 to 48 hours, showing symptoms like redness, swelling and pus. However, fungal infections progress slowly over weeks or months, often going unnoticed until they worsen.

"By the time people seek treatment, the infection may already be severe and require extensive care," she added.

Meera warned that fungal infections often require long-term treatment, which may include oral antifungals, laser therapy or even nail removal.

"Unlike bacterial infections, which would clear up with antibiotics, fungal infections can persist for months if not properly treated, so early detection is key."

She also warned that DIY manicures pose risks.

"Unsterilised tools and aggressive cuticle trimming at home can lead to infections. Even gel manicures, if improperly removed, can weaken nails, making them vulnerable to fungal growth."

To minimise risks, Meera and Ishvant recommended clients bring their own tools and ensure their nails are dry before applying polish to reduce the likelihood of infections.



Ishvant said untreated fungal infections could lead to permanent nail damage, deformities and in some cases, it can spread to the skin, which may lead to cellulitis. — MASYR CHE ANI/THE SUN